

12 OCT 1996

Moggie-rebat

TIADA REBAT UNTUK PENGGUNA AKIBAT TERPUTUS BEKALAN LETRIK 3 OGOS

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Pengguna yang mengalami kerugian akibat terputusnya bekalan elektrik seluruh Semenanjung pada 3 Ogos lepas mungkin tidak akan dibayar ganti rugi dalam bentuk rebat.

Kemungkinan itu terkandung dalam perakuan laporan Tenaga Nasional Berhad kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie yang hari ini turut membayangkan persetujuannya dengan perakuan itu.

Katanya, laporan yang dikemukakan Tenaga Nasional kepada beliau turut menyatakan pembayaran ganti rugi tidak diamalkan di kebanyakan negara termasuk Amerika Syarikat bagi gangguan bekalan elektrik.

"Walau bagaimanapun ini adalah pendapat saya, Kabinet perlu memberi panduan kepada Tenaga Nasional dalam memutuskan soal pembayaran rebat ini," katanya kepada pemberita apabila ditanya bila bayaran rebat kepada pengguna akibat terputusnya bekalan elektrik selama lapan jam itu dimulakan.

Sebelum itu, beliau merasmikan majlis dialog di antara Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas (JBE&G) dan TNB yang diadakan sempena sambutan Hari Kualiti JBE&E di sini.

"Perkara amalan (tidak bayar pampasan) negara lain itu juga akan dimasukkan dalam kertas cadangan yang akan dikemukakan untuk pertimbangan Kabinet," kata Moggie.

Katanya kertas cadangan Tenaga Nasional itu sedang disiapkan dan kemungkinan akan dibincang pada mesyuarat Kabinet dua atau tiga minggu lagi.

Kejadian bekalan elektrik terputus pada 3 Ogos menurut TNB adalah akibat kerosakkan satu komponen dalam pemutus litar 275 kV di kawasan suis Stesyen Tenaga Paka di Terengganu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas kejadian itu pada 21 Ogos berkata Kerajaan berpendirian Tenaga Nasional harus membayar pampasan kepada pengguna yang mengalami kerugian akibat trajedi itu.

Moggie juga berkata Tenaga Nasional berjaya mengurangkan bilangan gangguan voltan rendah seluruh semenanjung daripada kira-kira 27,000 gangguan pada tahun 1994/95 kepada hanya kira-kira 9,000 pada tahun 1995/96.

Dalam ucapannya, Moggie berkata kejadian kemalangan dan kebakaran yang berpunca daripada elektrik adalah terkawal berikutan piawaian keselamatan yang tinggi ditetapkan oleh JBE&G.

"Hanya terdapat 37 kes dilaporkan tahun ini sehingga September berbanding dengan 47 kes tahun 1995 dan 106 kes 1994," katanya.

Katanya, keselamatan elektrik dalam melakukan kerja-kerja tidak seharusnya dikompromi dan Tenaga Nasional dan JBE&G sebagai badan ulung dalam industri elektrik di negara ini hendaklah berusaha mencapai kemalangan elektrik sifar.

Beliau berkata JBE&G akan memperkenalkan beberapa program kecekapan tenaga pada tahun 1997 bagi membantu mencapai matlamat negara untuk mengadakan bekalan elektrik yang mencukupi, terjamin dan bersih.

-- BERNAMA

MT AHH